

Kata Kunci:
Keluarga
Tenang / Teneteram
Sikap



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

7 November 2025 / 16 Jamadilawal 1447H

Menyuntik Ketenangan dalam Hubungan Kekeluargaan

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي هَدَانَا اِلَى طَرِيقِ الْاِيْمَانِ، وَمَنْحَ فِي صَلُوْرِنَا السَّكِيْنَةَ
وَالْاِطْمِيْنَانَ. اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهٗ، وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهٗ وَرَسُوْلُهٗ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهٖ
وَاَصْحَابِهٖ. اَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهٖ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Taati segala perintah-Nya dan jauhi segala tegahan-Nya. Terapkanlah ajaran-Nya dalam segenap sudut kehidupan kita. Carilah **ketenangan** dengan menjaga hubungan dengan Yang Maha Esa. Semoga Allah s.w.t. terus melimpah kebaikan dan keberkatan dalam setiap urusan kita. Amin, ya Rabbal ‘Alamin.

Saudara yang dirahmati Allah,

Pastinya, setiap insan ingin memberi yang terbaik kepada **keluarganya**. Namun, apakah perkara yang paling didambakan dalam sebuah **keluarga**? Kasih sayang, nafkah yang cukup, atau rumah yang selesa?

Ya, semua itu adalah sebahagian daripada keperluan penting bagi sebuah keluarga. Namun, nilai utama yang menjadi asas setiap hubungan **kekeluargaan** ialah *sakinah* atau **ketenangan**.

Firman Allah s.w.t. dalam Surah Ar-Rum, ayat 21:

وَمِنْ ءَايَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا
وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan Allah adalah Dia menciptakan untukmu pasangan dari jenis kamu sendiri, agar kamu berasa **tenang** dan **tenteram** bersamanya, dan Dia menjadikan di antara kamu perasaan kasih dan sayang. Sesungguhnya, pada yang demikian itu terdapat keterangan bagi golongan yang berfikir.”*

Allah menciptakan kita berpasangan, yakni antara lelaki dan wanita, agar kita dapat hidup dalam suasana yang **tenang**. Bermula daripada kasih sayang yang lahir antara sepasang suami isteri, disusuli dengan kehadiran cahaya mata, dengan izin Allah. Jalinan kasih juga terbentuk antara adik-beradik, kaum kerabat dan sanak saudara. Kasih sayang ini memekarkan kemesraan. Inilah kebahagiaan, **ketenangan** dan suasana kasih sayang yang diimpikan dalam setiap **keluarga**.

Saudara yang dikasihi sekalian,

Sudah menjadi lumrah manusia, tidak semua hubungan **kekeluargaan** mampu membawa **ketenangan**. Ada kalanya hubungan menjadi tegang, hilang kasih sayang dan rasa hormat. Kadangkala, puncaknya bukan kerana kekurangan nafkah dan keselesaan, tetapi kerana tabiat dan **sikap** negatif yang mungkin tidak disedari.

Apabila seorang anggota **keluarga** merasakan dirinya tidak dihargai atau dihormati, dikritik dan diherdik secara berterusan, dibebani pula dengan tekanan emosi, atau mungkin sahaja membawa kepada keganasan, tentu sekali, ia akan merobek **ketenangan** dan **ketenteraman** dalam **keluarga**.

Sedangkan Rasulullah s.a.w. kerap berpesan untuk melayani **keluarga** dengan baik dan untuk menjaga tingkah laku kita terhadap mereka. Baginda s.a.w. telah menjadi sebaik-baik contoh dalam kehidupan **berkeluarga**. Sabdanya:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ، وَأَنَا خَيْرُكُمْ لِأَهْلِي

Yang bermaksud: *“Sebaik-baik kamu adalah yang paling baik bersama **keluarganya**, dan aku adalah yang paling baik bersama **keluargaku**.”* (Riwayat al-Tirmizi)

Berpandukan Hadyun Nabawiy ini, khutbah ingin berkongsi tiga amalan baik yang boleh menyuntik **ketenangan** dalam hubungan **kekeluargaan**:

Yang pertama: Komunikasi yang sesuai dengan niat baik di hati

Sebelum berkata-kata atau melakukan sesuatu, cuba fikirkan: adakah ucapan atau tindakan kita bersifat positif atau negatif? Adakah ia akan mendatangkan kebaikan atau sebaliknya? Dan adakah kita menggunakan pendekatan yang paling sesuai dan berhikmah?

Saudaraku, terkadang kita ingin menyampaikan nasihat dan teguran yang dirasakan perlu dan wajar. Namun, niat yang baik sahaja tidak mencukupi sekiranya ucapan dan tindakan kita menggores perasaan. Islam menganjurkan kita menggunakan bahasa yang mendampingi hati, bukan yang mengocak emosi. Pelajarilah kemahiran berkomunikasi yang berkesan dan sampaikanlah dengan cara yang membina, bukan yang menjatuhkan.

Yang kedua: Akui kesilapan, mohon kemaafan

Sebagai manusia, mungkin kita pernah menyinggung perasaan ahli **keluarga**. Mungkin ada harapan yang belum tercapai selama mereka berada di samping kita. Atau mungkin ada yang merasakan dirinya kurang diberikan perhatian. Bagaimana pula mereka yang masih dibelenggu pengalaman pahit yang belum lagi tuntas dan masih lagi segar dalam ingatan?

Oleh itu, kita harus **bersikap** insaf dan mempunyai kesedaran. Sekiranya kita tersilap langkah, akuilah kesilapan diri dan

dengarkan luahan mereka dengan penuh keprihatinan dan empati. Usah memperlekehkan atau menafikan luka lama. Latih diri untuk memohon maaf, kerana ia adalah tanda kekuatan. Berwaspadalah terhadap **sikap** ingin menjadi pihak yang “menang” sahaja, sehinggakan **ketenangan** dan kerukunan **keluarga** menjadi korban.

Yang ketiga: Kekang kemarahan dengan kesabaran

Adakalanya, interaksi sesama ahli **keluarga** boleh menimbulkan kemarahan dan rasa tidak puas hati, malah menambah tekanan emosi. Dalam situasi seperti ini, elak dari bertindak dengan serta-merta. Sesungguhnya bergopoh-gapah dalam bertindak atau membuat keputusan akan berakhir dengan penyesalan.

Apatah lagi, sekiranya ia melibatkan keganasan terhadap ahli **keluarga** kita sendiri. Keganasan atau berlaku kasar adalah perkara yang tidak boleh diterima sama sekali.

Sebaliknya, apabila marah, ambillah sedikit masa untuk **tenangkan** diri. Sentiasa ingat akan panduan Nabi: Jika marah, diam sejenak. Bersabarlah dan jangan terburu-buru bertindak. Mintalah perlindungan Tuhan daripada hasutan syaitan dengan ucapan *a’uzubillah*. Ubah posisi diri untuk meredakan ketegangan emosi. Ambil wuduk untuk menyejukkan dan menenangkan hati. Apabila keadaan kembali reda, bina semula persefahaman dan carilah jalan perdamaian.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Setiap insan layak hidup dalam suasana **keluarga** yang harmoni dan **tenteram**, diwarnai dengan kasih sayang dan kemesraan yang terbit dari keimanan. Hubungan erat dan pergaulan baik antara kita dan **keluarga** mestilah diutamakan. Lindungilah **keluarga** kita daripada persekitaran yang negatif, termasuklah yang terbit daripada diri kita sendiri. Tanamkanlah tekad untuk sentiasa menjadi insan yang berusaha menuju kebaikan bersama **keluarga** yang tersayang.

Semoga Allah s.w.t. melimpahkan **ketenangan**, kasih sayang, dan keberkatan kepada **keluarga** kita, agar ia menjadi sumber **ketenteraman**, tempat kasih berkembang dan ladang pahala untuk setiap ahli **keluarga**. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَزَجَرَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada musim peperiksaan ini, marilah kita berdoa agar para pelajar dan anak-anak diberikan kelapangan hati dan ketenangan fikiran supaya dapat menghadapi ujian dengan penuh keyakinan. Agar para ibu bapa, ahli keluarga dan guru-guru dikurniakan hikmah dan kesabaran dalam memberi bimbingan.

Semoga Allah memberikan kita ilmu yang bermanfaat serta memanfaatkan kita dengan ilmu yang telah dipelajari. Ya Allah Ya Samī' Ya 'Alīm, tetapkanlah dalam hati kami ilmu dan keimanan, agar kami memperoleh kejayaan yang berpanjangan.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ
وَعَلِيٌّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ
وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمَحَنَ، مَا ظَهَرَ
مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَنِ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي عَرَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ
عَامَّةً، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ
فَرَجًا، يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ وَالْأَمَانَ
لِلْعَالَمِ كُلِّهِ وَلِلنَّاسِ أَجْمَعِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً،
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.